

Dasar terhadap Palestin tidak berubah

11 MAY 2002

Oleh Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi dasar Malaysia yang secara konsisten menggesa penyelesaian damai konflik Israel-Palestin dilaksana berasaskan resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri berkata, Malaysia menyokong penyelesaian dua negara Palestin dan Israel mempunyai hak untuk wujud.

“Kami sudah menyatakan rundingan adalah satu-satunya jalan ke arah penyelesaian bagi konflik itu dan tindakan tentera bukan pilihan bagi kedua-dua pihak,” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan Jabatan Perdana Menteri hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian bagi menjejaskan kekeliruan berikutan ucapannya pada Syarahan Perdana Palestin dan Kemanusiaan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Angkatan Belia Malaysia (Abim), dua hari lalu.

Pada syarahan itu, Dr Mahathir mengajak semua umat Islam termasuk ahli Umno dan Pas bersatu menyusun strategi bagi mendapatkan sokongan antarabangsa dalam usaha menekan Israel sehingga negara Yahudi itu dipulau di seluruh dunia.

Syarahan yang dihadiri pemimpin tertinggi pembangkang, termasuk Presiden Pas Datuk Fadzil Noor, kali pertama bagi kedua-dua pemimpin tertinggi Umno dan Pas berucap di pentas yang sama menyatakan sokongan terhadap perjuangan Palestin.

Dalam kenyataan empat perenggan itu, Perdana Menteri juga berkata, Kuala Lumpur menyokong segala usaha mencapai satu penyelesaian damai, termasuk inisiatif terkini yang dijalankan pentadbiran Presiden Amerika Syarikat George W Bush serta pelan damai Arab Saudi.

Usaha damai Presiden Bush, termasuk perbincangan dengan pemimpin Arab dan Israel serta sekutu rapat di Eropah untuk mengadakan semula proses damai yang gagal selepas hampir 19 bulan Palestin dan Israel bermandi darah sehingga mengorbankan kira-kira 1,600 rakyat Palestin dan 500 penduduk Israel.

Pelan damai Arab Saudi yang diusahakan Putera Mahkota Abdullah Abdul Aziz menggesa pengunduran Israel daripada wilayah yang didudukinya dalam Perang Enam Hari pada 1967 dan sebagai balasan Israel diiktiraf oleh semua negara Liga Arab.

Perdana Menteri berkata, Malaysia juga mengutuk segala keganasan daripada kumpulan militan atau negara terhadap rakyat umum, walau apa juga alasannya.

“Malaysia sudah mengutuk semua bentuk keganasan oleh kumpulan militan atau negara terhadap rakyat biasa sebagai keganasan, walau apapun justifikasinya,” kata Dr Mahathir.